

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI UNIVERSITAS SYIAH KUALA, ACEH, INDONESIA
PADA 3 MEI 2007**

“Pembangunan Sumber Manusia dalam Pembangunan Negara”

Pertamanya ingin saya ucap berbanyak terima kasih kerana anugerah Doktor Kehormat kepada diri saya oleh Universitas Syiah Kuala, Aceh. Anugerah dari sebuah universiti jiran seperti Indonesia amat bermakna sekali kepada saya kerana ia menjadi simbol persahabatan antara dua negara kita. Sejarah Aceh pula mempunyai kaitan yang rapat dengan negara Kedah di mana saya dilahir dan membesar. Ramai orang dari Aceh tinggal di Kedah.

2. Tetapi anak Aceh yang terkenal sekali ialah seniman P Ramlee yang menjadi kebanggaan Malaysia. Tidak ada seniman lain yang boleh tandingi P Ramlee atau Ramli Nyak Puteh.

3. Saya bersyukur kerana banyak dari kesan malapetaka tsunami yang telah musnahkan Banda Aceh telah dapat di pulih dan diperbaiki berkat kerjasama antarabangsa termasuk Malaysia. Saya lebih bersyukur kerana perang saudara di Aceh sudah pun tamat dan Aceh telah mendapat otonomi yang bermakna dan sedang berusaha untuk membangunkan Propinsi ini dengan lebih pesat.

4. Saya percaya tajuk syarahan yang dipilih untuk saya ada kaitan dengan keinginan Aceh untuk bangunkan Propinsi ini.

5. Kita semua maklum dalam dunia ini terdapat negara-negara yang maju dan negara-negara yang mundur. Dalam sejarah dunia pula biasa berlaku negara yang mundur berjaya dibangunkan dan negara yang maju selepas satu masa tertentu menjadi mundur. Ada pula yang tidak maju dan tidak juga mundur. Demikian maju mundur sesebuah negara dan satu-satu bangsa bukanlah perkara semulajadi tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain termasuk kualiti sumber manusia.

6. Sumber alam yang kaya juga tidak menjamin kemajuan. Ada negara yang kaya dengan sumber alam yang dikurniakan oleh Allah swt tetapi tidak maju. Di sebaliknya negara yang miskin dari segi sumber alam tetapi maju dan kaya. Kesimpulan yang kita harus terima ialah sumber alam dalam apa bentuk juga tidak menjamin kemajuan atau menyebabkan kemunduran.

7. Sebagai contoh negara-negara Teluk Parsi kaya dengan minyak petrol sejak zaman purba lagi tetapi dahulu mereka miskin. Mereka miskin kerana mereka tidak punyai sumber manusia yang diperlukan. Jika tidak kerana orang asing yang datang dengan kebolehan tertentu penduduk Teluk Parsi akan terus menjadi nelayan yang miskin.

8. Hari ini mereka kaya tetapi negara mereka masih tidak dianggap maju. Mereka masih tergolong dalam Negara Ketiga. Hanya dengan membangun pencakar langit tidak menjadi sesuatu negara itu negara yang maju. Demikian juga kekayaan kewangan semata-mata tidak menjadi sesuatu bangsa itu bangsa yang maju, sesuatu negara itu negara yang maju.

9. Bangsa yang maju ialah bangsa yang memiliki ilmu dan kecekapan yang dapat mengatasi kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada mereka termasuk kemiskinan sumber alam. Mereka maju kerana berjaya mentadbir negara mereka dengan baik.

10. Kenapakah terdapat kontradiksi ini? Jika kita teliti kita akan dapati bahawa peranan yang terbesar untuk memastikan maju-mundurnya sesuatu bangsa atau negara ialah budaya bangsa itu.

11. Memanglah banyak perkara-perkara yang tergelung dalam takrif budaya. Tetapi yang terpenting ialah nilai hidup yang dipercayai, dipegang dan diamal oleh bangsa berkenaan. Nilai hidup menentukan reaksi manusia terhadap keadaan sekelilingnya.
12. Demikian jika Allah swt mengurniakan emas di bumi yang bertuah, tetapi penduduk tidak mahu berusaha atau tidak menguasai ilmu dan kecekapan untuk mengeluarkan emas, mereka tidak mungkin jadi kaya. Jika berjaya mengeluarkan emas tetapi tidak dapat menambah nilai kepada logam ini, kekayaan tidak akan didapati sepenuhnya.
13. Tetapi bukan kebolehan itu sahaja yang diperlukan. Dalam masyarakat yang tidak stabil, dengan adanya rasuah yang tak dapat dikawal, yang cekap dan berusaha tidak terselamat, maka emas di bumi tidak akan dapat dikeluarkan dan tambahkan nilai tidak dapat dihasilkan.
14. Pemerintahan yang cekap, yang melindungi pengusaha, penambah nilai dan pedagang adalah penting untuk membangunkan bangsa dan negara. Masyarakat akan stabil jika budaya masyarakat itu sesuai untuk kestabilan. Ada masyarakat yang mempunyai budaya ganas yang tidak mungkin stabil. Jika sistem pemerintahan itu baik sekalipun kestabilan tidak akan tercapai. Kepercayaan bahawa demokrasi boleh menjamin kestabilan adalah tidak benar.
15. Masyarakat yang ingin maju perlu memberi perlindungan kepada pengusaha, penambah nilai dan pedagang. Kenapakah mereka perlu dilindungi? Sebabnya ialah kerana kegiatan mereka bukan sahaja meraih keuntungan bagi diri mereka tetapi mereka juga mengadakan peluang pekerjaan, mengadakan permintaan kepada aneka jenis barangan dan makanan, membelanjakan wang yang mereka perolehi untuk berbagai keperluan, bekalan dan khidmat, dan semua ini meningkatkan aktiviti ekonomi negara dan menyumbang kepada pembangunan.
16. Pemerintah pula akan dapat memungut cukai dari yang kaya, yang mana cukai ini diguna untuk gaji Pemerintah, dibelanja untuk pembangunan negara serta membekalkan kemudahan infrastruktur.
17. Tentulah nyata bahawa pembangunan negara memerlukan kepada pemerintahan yang mampu memberi perlindungan kepada yang berada disamping membantu dan menentukan kehidupan anggota masyarakat yang lain terselamat.
18. Untuk ini pucuk kepimpinan dan anggota pentadbiran perlu memiliki sifat-sifat yang mulia. Sifat-sifat ini sekali lagi bergantung kepada nilai hidup masyarakat berkenaan, kepada budayanya. Dalam masyarakat yang tidak berbudaya mulia, pemimpin juga tidak mungkin memiliki nilai ini.
19. Satu daripada nilai hidup yang terpenting ialah disiplin atau ketertipan dalam segala usaha dan tindakan. Bangsa yang berdisiplin akan mengawal nafsu dan kepentingan diri kerana mamatuhi hukuman, peraturan-peraturan dan undang-undang yang ditentukan. Tujuan adat dan budaya yang baik adalah kerana hasil daripadanya tentulah kebaikan atau kejayaan yang lebih berkekalan dan menyeluruh. Mungkin keuntungan dari penyalahgunaan kuasa lebih besar dan cepat tetapi ia tidak selamat. Masyarakat yang dipenuhi dengan anggota yang tidak berdisiplin tetap tidak akan maju. Akhirnya mereka yang tidak berdisiplin akan merasai keburukan masyarakat berkenaan. Negara dan bangsa tidak akan maju. Sudah tentu keturunan mereka akan jadi mangsa.
20. Sebagai orang Islam kita harus sedar akan peranan disiplin. Kekalahan pasukan Islam di Jabal Uhud ialah kerana pasukan pemanah Islam tidak patuh kepada arahan Nabi s.a.w. supaya mereka berada di tempat yang ditetapkan untuk menghalang serangan dari sudut itu.
21. Apabila melihat musuh "kalah" dan berundur serta menggugurkan "anfal" iaitu harta dan senjata mereka, pasukan Islam berebut-rebut untuk mendapat anfal ini. Pasukan pemanah

apabila melihat rakan mereka merebut anfal, didorong oleh nafsu dan perasaan tamak telah meninggalkan tempat mereka dan mara ke arah medan perang untuk merebut “anfal”. Disiplin ketenteraan diketepikan.

22. Akibatnya ialah pasukan musuh telah mara dari sudut yang tidak lagi dikawal dan menyerang pasukan Islam. Pasukan Islam ditewas dan Nabi sendiri cedera.

23. Inilah peristiwa penting dalam sejarah Islam yang perlu menjadi pedoman kepada umat Islam. Apabila nafsu dan perasaan tamak menguasai jiwa dan disiplin diabaikan maka tentera Rasullullah pun ditimpa malapetaka. Sunnah Rasul perlu dipatuhi oleh umat Islam tetapi Jabal Uhud dan pencabulan disiplin tidak dianggap sebagai sesuatu pengajaran, sebagai satu tauladan. Jarangkali terdapat tekanan terhadap pentingnya disiplin dalam cara hidup Islam.

24. Dalam pengamalan Islam sebagai cara hidup banyaklah contoh-contoh yang lain yang membuktikan bahawa disiplin, keperluan mematuhi arahan dan peraturan-peraturan perlu diutamakan jika umat Islam ingin mendapat nikmat dari cara hidup Islam. Demikian ibadat-ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat dan mengerjakan Haji semuanya memerlukan disiplin. Sudah tentu membuat korban memerlukan pengawalan kepentingan diri.

25. Saya boleh senaraikan banyak nilai-nilai yang mulia dalam ajaran Islam yang perlu dipegang dan diamal oleh kita supaya kita dapat mewujudkan masyarakat yang dapat membekal tenaga manusia yang mampu membangunkan negara. Diantaranya sudah tentulah pegangan dan pengamalan sifat beramanah, rajin, tekun, menolak segala jenis rasuah, ikhlas, lurus, telus dan sebagainya.

26. Tanpa nilai-nilai yang mulia ini ilmu, kecekapan dan kepintaran tidak dapat membangunkan negara. Ini adalah oleh kerana semuanya boleh disalahgunakan. Jauh dari menyumbang kepada pembangunan, semua kebolehan ini boleh musnahkan negara.

27. Satu sifat yang boleh menolong membentuk budaya yang tinggi dan baik ialah perasaan malu. Apabila kita tahu malu maka kita tidak akan melakukan yang buruk dan salah. Kita tidak akan ambil apa juga yang bukan hak bagi kita. Kita tidak akan mencuri atau menerima sogokan. Kita tidak akan menyalahguna kuasa. Lebih dari itu kita akan cuba lakukan yang terbaik termasuk hasil kerja kita. Kita akan kejar perfection, hasil yang tidak sedikit pun cacat baik dari segi khidmat atau barangan yang dibuat oleh kita.

28. Di Istana Alhambra di Grenada, Sepanyol terdapat ukiran tulisan yang mengulangi berkali-kali bahawa hanya Allah swt sahaja yang bebas dari sebarang kecacatan. Ini adalah satu pengakuan yang manusia tidak mungkin bebas dari kecacatan.

29. Malangnya arkitek dan pengukir yang membina Istana Alhambra dengan sengaja mencatitkan bentuk dan ukiran di bangunan itu. Demikain juga di semua bangunan-bangunan lama yang indah serta masjid-masjid di Iran terdapat kecacatan dalam bentuk atau ukiran yang sengaja diadakan.

30. Kita tahu di zaman ini akan pentingnya precision dalam bidang engineering. Jika ukuran dalam kejuruteraan tidak tepat dan sendat maka perjalanan sebuah jentera tidak akan licin dan bebas dari kerosakan.

31. Jika kerana kita percayai hanya Allah swt sahaja yang bebas dari kecacatan dan kita tidak kejar perfection dan precision dalam kerja yang kita usahakan, dan kita sengaja mencatitkan produk kita, maka sudah tentu hasil kerja kita, barangan keluaran kita tidak akan mencapai piawaian atau standard yang terbaik seperti yang dihasilkan oleh orang lain.

32. Sebenarnya walaupun kita cuba bersungguh-sungguh untuk mencapai precision dan perfection, akan terdapat juga kecacatan yang mungkin tidak dapat dikesan oleh kita. Susunan elemen dan lain-lain yang dijadikan oleh Allah swt adalah begitu halus tetapi tersusun sehingga walau bagaimana dicuba oleh manusia susunan yang tidak cacat ini tidak akan dapat dihasilkan. Justeru itu tidak perlulah kita sengaja mencacatkan hasil kerja kita kerana ianya tetap cacat dan tidak mungkin bebas dari kecacatan seperti mana apa yang dijadikan Tuhan bebas dari kecacatan. Sebaliknya jika kita sengaja mengadakan kecacatan untuk membuktikan kelemahan kita sebagai manusia, ia sebenarnya membuktikan keangkuhan kita seolah-oleh jika kita betul-betul berusaha, hasil kerja kita itu tidak akan cacat, sama seperti apa yang dijadikan oleh Tuhan. Sebenarnya cubalah seberapa yang mungkin hasil kerja kita, walaupun kita anggap precise dan perfect, tidak cacat, tetapi dia tetap cacat. Sebab itu lah semua barangan ciptaan manusia yang kita guna sekarang lebih baik dari yang terdahulu. Bandingkan telefon bimbit yang kita guna sekarang dengan telefon yang dicipta oleh Graham Bell, tentulah kita terpaksa akui kualiti telefon sekarang lebih baik dari ciptaan Bell. Kebaikan ini ialah oleh kerana usaha dibuat sepanjang masa untuk mengurangkan kecacatan yang terdapat pada alat berkenaan. Percayalah dimasa akan datang akan ada telefon yang lebih baik dari yang kita miliki sekarang. Sebabnya ialah kerana percubaan dibuat sepanjang masa untuk mendapat alatan yang bebas dari kecacatan, walaupun tidak mungkin kerana kita manusia biasa, bukan Tuhan.

33. Apakah kena-mengena ulasan berkenaan manusia tidak mungkin bebas dari kecacatan seperti mana Tuhan bebas dari kecacatan. Dalam pembangunan sumber manusia, usaha untuk mencapai yang terbaik, yang perfect dan precise, yang bebas dari sebarang kecacatan akan menghasilkan sumber manusia yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara sebanding dengan negara yang maju. Justeru itu latihan bagi membangun sumber manusia mestilah menekan keperluan membuat kerja atau menghasil keluaran yang terbaik mungkin. Kita perlu bukan sahaja quantity tetapi juga quality.

34. Masyarakat atau bangsa atau negara yang konservatif, iaitu tidak suka perubahan tidak mungkin maju seperti yang progresif. Sementara yang konservatif ingin kekal dengan cara lama, piawaian yang lama, masyarakat progressif lebih suka kejar yang lebih baik atau yang lebih canggih. Justeru itu mereka akan berusaha sepanjang masa untuk perbaiki lagi yang sudah baik. Inilah yang berlaku kepada telefon Graham Bell.

35. Jika kita ingin bangunkan sumber manusia yang mampu membangunkan negara maka budaya konservatif perlu dikikis dan diganti dengan budaya progresif yang selalu ingin memperbaiki lagi apa yang sudah baik tanpa sengaja mencacatkan hasil kerja kita kerana kononnya sebagai manusia kita jangan cuba menyaingi Tuhan. Jadikanlah sifat progresif sebahagian dari budaya kita jika kita ingin menyumbang kepada pembangunan negara.

36. Setelah ditentukan kita memiliki dan mengamalkan nilai-nilai yang mulia, membentuk budaya progresif yang sesuai dengan kemajuan maka barulah penguasaan ilmu dan kecekapan akan menghasilkan sumber manusia yang mampu membangunkan negara.

37. Sesungguhnya penguasaan ilmu dan kecekapan dalam apa juga bidang tidak menjadi masalah. Tuhan menjadikan manusia demikian jika ianya membuat sesuatu berulang kali maka prestasinya tetap menjadi lebih baik. Demikian pengukir pada mulanya tidak akan menghasilkan ukiran yang baik. Tetapi apabila diulangi berkali-kali maka hasilnya tetap menjadi lebih baik sepanjang masa.

38. Demikian juga dengan penguasaan ilmu. Pada mulanya penguasaan tetap lemah tetapi apabila diulangi dan diulangi lagi maka akan terpahatlah dalam hati ilmu yang dituntut. Kebolehan seseorang mungkin tidak sama dengan orang lain tetapi kebolehan tetap meningkat berbanding dengan keadaan sebelum tuntutan diulangi berkali-kali.

39. Sebenarnya tidak ada bangsa yang dijadikan oleh Tuhan lebih berupaya dalam memperbaiki kebolehan dan prestasi dari bangsa-bangsa lain. Hanya yang ada ialah bangsa yang lebih rajin, lebih tekun dalam mengulangi berkali-kali sesuatu yang ingin dikuasai. Lambat laun bangsa yang mundur dan lemah, orang jika rajin mengejar sesuatu ilmu atau kecekapan akan menjadi lebih berpengahuan dan lebih cekap dari dahulu.

40. Tetapi kurniaan Tuhan tidak setakat itu sahaja. Sebenarnya ilmu dan kecekapan yang diperolehi melalui ulangan yang bertalu-talu akan diwarisi oleh anak cucu. Anak bukan sahaja mewarisi paras rupa ibu bapa tetapi juga kebolehan mereka.

41. Lebih dari itu anak mungkin akan lebih cekap dari ibu bapa jika ia berusaha.

42. Dan anak dan cucu kepada anak akan terus mewarisi dan menjadi lebih cekap sepanjang zaman. Sebab itulah tamaddun manusia menjadi lebih canggih sepanjang zaman.

43. Semua ini adalah kurniaan Allah swt kepada kita. Tentulah kita tidak berbudi jika kurniaan Tuhan ini kita tidak menggunakannya.

44. Jelas sekali bahawa kita semua berkeupayaan membangunkan sumber manusia yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara. Memanglah mustahak kita adakan latihan. Kita harus ada sekolah, bengkel latihan, institusi, universiti; kita harus hantar pelatih dan pelajar ke negara asing dan lain-lain lagi. Tetapi tanpa budaya dan nilai hidup yang mulia, tanpa kesedaran akan pentingnya berulang berkali-kali apa sahaja yang disediakan tidak akan berjaya membangunkan sumber manusia yang boleh membangunkan negara.

45. Umat Islam sekarang berada dalam keadaan yang cemas. Dimana-mana sahaja mereka ditindas. Pemerintahan negara-negara mereka lemah. Pembangunan tidak berlaku.

46. Kita mencari-cari akan cara dan pendekatan untuk mengatasi masalah kita. Kita berdoa dan merayu kepada Allah swt supaya menyelamatkan. Tetapi sebenarnya kebolehan untuk menyelamatkan, bahkan menjayakan diri kita sudah pun dianugerahkan kepada kita, oleh Allah swt dengan berlimpah-limpah. Kenapakah kita tidak menggunakan segala yang dikurniakan oleh Tuhan kepada kita. Kenapakah yang kita suka meminta-minta sahaja dari Tuhan.

47. Tuhan telah berjanji bahawa lanya tidak akan menolong kita memperbaiki nasib kita melainkan kita sendiri berusaha memperbaiki diri kita sendiri. Tetapi apakah kita telah usahakan. Benar-benar usahakan.

48. Bukanlah niat saya untuk menyampaikan syarahan agama disini. Tetapi adalah mustahil Tuhan yang menentukan nasib yang buruk yang menimpa umat Islam sekarang ini. Kita tahu segala yang baik datangnya dari Allah swt dan segala yang buruk datangnya dari kita. Jika hari ini nasib kita buruk, tentulah kita yang bersalah, bukan Tuhan yang sengaja memburukkan nasib kita. Bukan takdir.

49. Sesungguhnya umat Islam adalah umat yang bahagia. Segala nasihat dan tunjuk ajar sudah pun dibekalkan kepada mereka lebih 1400 tahun dahulu. Pada mulanya mereka menghayati segala nasihat dan tunjuk ajar ini dan terdirilah tamaddun Islam yang cemerlang dan meliputi dunia. Tetapi pada abad ke 15 Masehi mereka membuat tafsiran baru akan ajaran Islam dan sejak itu tamaddun Islam mula luntur dan merosot dan diatasi oleh tamaddun lain.

50. Tanpa mengenal pasti di mana duduknya kesilapan, kita tidak akan dapat memperbaiki sesuatu. Yang silap bukan kelemahan tertentu yang kita anggap berada kepada kita. Yang silap ialah budaya dan nilai hidup yang dipupuk dan diamalkan oleh masyarakat kita, baik di Malaysia baik di mana-mana. Selagi kita tidak mengakui bahawa yang bersalah ialah kita, selagi kita tidak akui kelemahan kita berpunca dari kita sendiri, selagi kita tidak sanggup memperbaiki diri kita,

selama itulah kita akan gagal membangun sumber manusia yang mampu membangunkan negara. Tidak ada jalan yang mudah dalam perkara ini. Hanya yang ada ialah rintangan yang memerlukan disiplin, korban, nilai hidup yang mulia, usaha yang berulang dan pegangan kepada tunjuk ajar dan nasihat yang terkandung dalam Al Quran dan hadis yang sah.

51. Mungkin syarahan saya ini tidak menepati tajuk yang ditentukan. Jika tidak saya pohon maaf.

52. Sekali lagi ingin saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Universitas Syiah Kuala, Aceh yang telah sudi menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat kepada saya.

Terima kasih.